



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 DISEMBER 2019 (AHAD)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Metro Ahad**

- |                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| - Lipas , Tikus `huni' Dapur        | 2 |
| - Laporan Banglo berisiko 8 Januari | 2 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 DISEMBER 2019 (AHAD)</b>	
Akhbar	Metro Ahad
Tajuk Berita	Lipas , Tikus `huni' Dapur
Muka Surat	2

**lokal** METRO AHAD 29/12/19 ms 2

# LIPAS, TIKUS 'HUNI' DAPUR

Dua kedai roti di Jalan Datuk Keramat, Jalan Transfer diarah tutup

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
am@metro.com.my

**Georgetown**

**B**ahagian dapur dicemari najis tikus dan lipas menyebabkan dua kedai roti terkenal di Jalan Datuk Keramat dan Jalan Transfer diarahkan tutup.

Turut ditemui semasa Ops Penutupan Premis yang dijalankan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) itu ialah

bebenang dalam adunan roti.

Pegawai Kesihatan Persekitaran Bahagian Pelesenan, M Bawani berkata, arahan penutupan itu berikutan keadaan kedua-dua premis yang tidak mematuhi tahap kebersihan yang ditetapkan.

Katanya, kedua-dua premis itu diperintah tutup 14 hari bermula 24 Disember hingga 6 Januari dan dibenarkan beroperasi semula selepas kerja pembersihan dilakukan.

"Najis tikus dan lipas yang ditemui di dapur kedua-dua premis berkenaan menunjukkan kehadiran makhluk perosak yang dikhawatiri boleh menyebabkan pencemaran makanan. "Manakala bendasing atau bebenang ditemui dalam bekas mentega boleh menyebabkan pencemaran silang" katanya di Georgetown.

Perintah penutupan itu dilakukan mengikut peraturan MBPP di bawah Seksyen 38 (1) Undang-undang Kecil Perundangan Makanan 1991.

Menurutnya, dalam operasi itu pemilik premis turut dinasihatkan supaya melakukan kawalan serangga terhadap tikus dan lipas bagi mencegah masalah berkenaan.

Operasi terbabit yang kelima dijalankan sejak MBPP diberi kuasa bagi menutup premis yang tidak mematuhi undang-undang. "Sehingga kini, 13 premis sudah diperintah tutup sejak operasi berkenaan dijalankan.

"Orang ramai khususnya pemilik premis yang mahu mengetahui prosedur operasi standard kami (SOP), boleh layari laman web MBPP," katanya.



**“**  
**Bebenang ditemui dalam bekas mentega boleh menyebabkan pencemaran silang**  
**”**  
Bawani



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 DISEMBER 2019 (AHAD)</b>	
Akhbar	Metro Ahad
Tajuk Berita	Laporan Banglo berisiko 8 Januari
Muka Surat	2

## Laporan penuh banglo berisiko 8 Januari

**Kuala Lumpur:** Laporan penuh berkaitan status banglo di lereng bukit di Jalan Kelab Ukay 2, Taman Kelab Ukay, Ampang dekat sini, dan kejadian pergerakan tanah di kawasan tersebut akan diserah kepada kerajaan negeri Selangor 8 Januari ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu berkata, keputusan untuk tindakan terhadap banglo itu akan ditentukan selepas satu laporan penuh agensi teknikal terlibat iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) serta Jabatan Mineral dan



METRO AHAD  
29/12/19  
ms 2

*Pada 8 Januari itu nanti kita akan tahu punca kejadian dan apakah tindakan mitigasi dan pemulihan selanjutnya”*

**Mohamed Azmin**

Geosains (JMG) diperoleh pada tarikh tersebut.

“Pada 8 Januari itu nanti kita akan tahu punca kejadian dan apakah tindakan mitigasi dan pemulihan selanjutnya terhadap rumah banglo yang terlibat dan juga kawasan sekitar.

“Belum ada keputusan muktamad sama ada rumah



itu dirobohkan. Apa yang penting ialah keselamatan penduduk sekitar dan mengembalikan keyakinan kepada mereka bahawa kawasan ini selamat diduduki,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan

banglo itu semalam.

Khamis lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin mengarahkan banglo tersebut diroboh manakala tiga yang lain dikosongkan susulan insiden pergerakan tanah itu.

Arahan itu dikeluarkan bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku, termasuk kejadian tanah runtuh di kawasan berkenaan.

Susulan kejadian itu banglo berkenaan dikosongkan dan pemilik difahamkan kini tinggal bersama anggota keluarga lain di Wangsa Maju, manakala jiran sebelah pula mengosongkan kolam renangnya bagi mengurangkan tekanan terhadap kawasan terlibat.